

Untuk siaran segera

150 Tapak Pembinaan Di Seluruh Negara Di Arah Tutup Dalam Tempoh 20 Hari PKP 3.0

Sebanyak 150 tapak pembinaan di seluruh negara diarah tutup sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 sejak 1 Jun lalu, berikutan kegagalan mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan, dalam usaha membendung penularan pandemik COVID-19.

Sejak PKP 3.0 dilaksanakan, sebanyak 2,423 tapak pembinaan telah diperiksa oleh penguatkuasaan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB). Daripada jumlah berkenaan, sebanyak 446 (18%) tapak pembinaan didapati beroperasi, manakala sebanyak 1,977 (82%) tidak beroperasi.

Daripada 446 tapak yang beroperasi, didapati 150 tapak pembinaan (34%) tidak mematuhi SOP, manakala 296 (66%) tapak lagi mematuhi SOP. Kesemua 150 tapak pembinaan tidak mematuhi SOP berkenaan telah diarah tutup serta merta. Bagaimanapun 11 daripada tapak pembinaan yang diarah tutup telah pun dibenarkan dibuka semula, selepas mereka mematuhi SOP ditetapkan.

Daripada 150 tapak pembinaan yang ditutup sebanyak 45 terletak di Sarawak, di Selangor (24 tapak pembinaan), Melaka (16), Pulau Pinang (10), Terengganu (10), Sabah (9), Johor (7), Kuala Lumpur (6), Pahang (6), Perak (5), Kedah (4), Negeri Sembilan (4), Perlis (3) dan Kelantan (1).

Manakala 11 yang dibuka semula selepas didapati mematuhi SOP terletak di negeri Terengganu (4), Melaka (3), Johor (2), KL (1) & Kedah (1).

Kementerian amat memandang serius peratusan ketidakpatuhan SOP yang tinggi di tapak pembinaan kerana ianya satu perkara yang amat membimbangkan dan akan menjejaskan objektif PKP penuh ini untuk mengekang penularan wabak COVID-19.

Sejak PKP 3.0 bermula, CIDB telah mempergiatkan pemeriksaan di tapak pembinaan, dalam usaha mengekang pandemik COVID-19 susulan peningkatan penularan kes positif COVID-19 di tapak pembinaan seluruh negara, khususnya di Lembah Klang.

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : www.kkr.gov.my |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kkr.gov.my

Kementerian Kerja Raya (KKR) mahu supaya semua kontraktor komited sepenuhnya dalam memikul tanggungjawab untuk memastikan tapak pembinaan dan penempatan pekerja mereka mematuhi SOP termasuk memastikan semua pekerja menjalani ujian saringan COVID-19 dan disahkan bebas dari jangkitan sebelum dibenarkan bekerja di tapak pembinaan.

Penggiat industri pembinaan diingatkan supaya sentiasa mematuhi SOP PKP 3.0 atau berdepan dengan tindakan tegas oleh CIDB. Selain mengarahkan tapak pembinaan ditutup dengan serta-merta, CIDB juga boleh mengenakan penalti tidak melebihi RM500,000.00 atau menggantung dan membatalkan Perakuan Pendaftaran Kontraktor.

Semua penggiat industri pembinaan diwajibkan mematuhi arahan semasa dan SOP yang telah dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) bagi memastikan matlamat PKP 3.0 dapat dicapai.

SOP terkini boleh dirujuk di laman web MKN <https://www.mkn.gov.my/web/ms/sop-pkp-pemulihan/>. Maklumat lanjut berkenaan SOP dan Garis Panduan industri pembinaan boleh didapati menerusi Telegram rasmi CIDB Malaysia <https://t.me/cidbmy>, laman web rasmi CIDB di www.cidb.gov.my atau hubungi CIDB Careline di talian 03-5567 3300.

KEMENTERIAN KERJA RAYA

21 JUN 2021

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : www.kkr.gov.my |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kk.gov.my